

0171

U B322 BAH

CUEPACS - PERTEMUAN

(I)

13 KUALA LUMPUR, 26 OKT. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERSETUJU UNTUK MENEMUAI CUEPACS RABU INI DI JABATAN PERDANA MENTERI DI SINI MENGENAI TUNTUTAN PELARASAN GAJI KAKITANGAN AWAM.

SETIAUSAHA AGUNG CUEPACS, HAJI JAMALUDDIN MOHAMED ISA MENERIMA SURAT YANG MENGESAHKAN TARIKH DAN TEMPAT PERTEMUAN ITU DARIPADA MENTERI KEWANGAN ENCIK DAIM ZAINUDDIN.

HAJI JAMALUDDIN BERKATA BAHAWA SEJUMLAH 30 WAKIL PEKERJA -- LIMA DARIPADA CUEPACS DAN LIMA ORANG DARIPADA TIAP-TIAP SEBUAH DARIPADA LIMA BUAH MAJLIS BERSAMA KEBANGSAAN (NJC) -- AKAN MENGHADIRI PERTEMUAN ITU.

KATANYA PARA WAKIL PEKERJA DALAM PERTEMUAN ITU AKAN MENGAMBIL SIKAP +MENDENGAR DULU APA YANG HENDAK DIKATAKAN OLEH PERDANA MENTERI, KEMUDIAN BARULAH MEMBERIKAN PENDAPAT KAMI.+

HAJI JAMALUDDIN BERKATA BAHAWA SEBELUM ITU MESYUARAT KELIMA-KELIMA MAJLIS BERSAMA AKAN DIADAKAN DI IBU PEJABAT CUEPACS PADA HARI YANG SAMA.

BELIAU BERKATA BAHAWA PADA MASA YANG SAMA CUEPACS DAN KELIMA-LIMA NJC ITU MENJALANKAN +USAHA-USAHA DI SEBALIK TABIR+ UNTUK MENYIAPKAN RANCANGAN TINDAKAN KECEMASAN SEKIRANYA PERTEMUAN DENGAN PERDANA MENTERI TIDAK BERHASIL UNTUK MENYELESAIKAN PERTIKAIAN MENGENAI TUNTUTAN GAJI ITU.

HAJI JAMALUDDIN BAGAIMANAPUN ENGGAN MENERANGKAN LEBIH LANJUT MENGENAI RANCANGAN TINDAKAN ITU. -- BERNAMA.